Perkembangan Monetari dan Kewangan

SOROTAN PENTING

- **Ringgit menyusut nilai pada suku kedua berikutan ketidakpastian global dan dalam negeri.**
- **Prestasi pasaran bon dan ekuiti domestik disokong oleh permintaan yang berterusan daripada pelabur institusi domestik.**

Prestasi pasaran kewangan domestik bercampur-campur pada suku kedua

Dalam tempoh dua bulan pertama suku kedua, pasaran kewangan domestik terjejas akibat sentimen pelabur yang berhati-hati berikutan prospek pertumbuhan global yang semakin sederhana dan ketegangan perdagangan global yang meruncing. Di dalam negeri, laporan mengenai kemungkinan bahawa Malaysia akan dikeluarkan daripada *FTSE Russell World Government Bond Index* (WGBI) juga menjejaskan sentimen dalam pasaran bon domestik. Akibatnya, berlaku aliran keluar portfolio bukan pemastautin sebanyak RM5.1 bilion yang seterusnya menyebabkan ringgit menyusut nilai sebanyak 1.5% berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) pada suku tersebut. Walaupun sentimen adalah lemah, pasaran bon dan ekuiti domestik terus disokong oleh permintaan yang berterusan daripada pelabur institusi domestik sepanjang suku kedua.

Nilai ringgit menyusut berbanding dengan dolar AS didorong aliran keluar portfolio bukan pemastautin

Rajah 19: Prestasi Mata Wang Serantau Berbanding dengan Dolar AS (1 April - 28 Jun 2019)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Keluk kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia menurun pada suku kedua

Rajah 20: Trend Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi pasaran ekuiti domestik bertambah baik pada suku kedua

Rajah 21: Prestasi Pasaran Ekuiti Serantau



Sumber: Bloomberg

Menjelang akhir suku kedua, prestasi pasaran bon dan ekuiti domestik meningkat disebabkan oleh sentimen pelabur yang kembali pulih. Pada bulan Jun, jangkaan bahawa bank-bank pusat utama akan melaksanakan pelonggaran terhadap dasar monetari telah meningkatkan kesanggupan pelabur global untuk mengambil risiko. Hal ini seterusnya mendorong aliran masuk semula portfolio bukan pemastautin. Hasilnya, indeks FBM KLCI meningkat 1.7% pada suku kedua untuk ditutup pada 1,672.1 mata pada akhir bulan Jun (akhir bulan Mac 2019: 1,643.6 mata) dan kadar hasil MGS 3 tahun, 5 tahun dan 10 tahun menurun, masing-masing sebanyak 8.5, 10.8 dan 12.3 mata asas.

Kadar faedah menurun pada suku kedua disebabkan pengurangan OPR

Berikutan pengurangan Kadar Dasar Semalaman (*Overnight Policy Rate*, OPR) pada 7 Mei 2019, kadar faedah dalam pasaran borong dan runcit menjadi lebih rendah. Dalam pasaran antara bank, kesan pindahan adalah menyeluruh dan serta-merta, dengan Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (*Kuala Lumpur Interbank Offered Rate*, KLIBOR) 3 bulan menurun sebanyak 23 mata asas kepada 3.46% (S1 2019: 3.69%). Berikutan pelarasan OPR, kadar deposit tetap (*fixed deposit*, FD) nominal juga menurun dalam julat 24 hingga 25 mata asas bagi tempoh matang 1 hingga 12 bulan. Susulan itu, kadar FD benar menurun berikutan kadar nominal yang lebih rendah dan inflasi yang lebih tinggi pada suku itu.

Bagi segmen runcit, kesan pindahan pengurangan OPR kepada kadar asas (*base rate*, BR) juga adalah menyeluruh dengan penurunan BR oleh semua bank sebanyak 25 mata asas untuk mencatatkan purata berwajaran 3.68% (S1 2019: 3.92%). Pada akhir suku kedua, kadar pinjaman purata (*average lending rate*, ALR) berwajaran bagi pinjaman terkumpul juga menurun sebanyak 20 mata asas kepada 5.23% (S1 2019: 5.43%).

Kadar faedah menurun berikutan pengurangan OPR

Rajah 22: Kadar Deposit Tetap, Kadar Asas dan Kadar Pinjaman Purata (pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar deposit benar menurun

Rajah 23: Kadar Deposit Tetap Benar mengikut Kematangan (pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Lebihan mudah tunai ringgit terkumpul di Bank menurun

Rajah 24: Mudah Tunai Ringgit Terkumpul di Bank Negara Malaysia pada akhir tempoh



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan bersih terus berkembang berikutan peningkatan berterusan dalam pinjaman dan bon korporat terkumpul

Rajah 25: Sumbangan kepada Pertumbuhan Pembiayaan Bersih



* Tidak termasuk terbitan oleh Cagamas dan bukan pemastautin
** Tidak termasuk impak sementara bagi tempoh S2 2018 hingga S1 2019, disebabkan oleh kemasukan data bank perdagangan berlesen yang baharu (MBSB Bank Berhad) sejak April 2018

Sumber: Bank Negara Malaysia

Keadaan mudah tunai kekal mencukupi untuk menyokong pengantaraan kewangan

Tahap lebihan mudah tunai yang ditempatkan di Bank menurun, mencerminkan aliran keluar bersih pada suku kedua. Walau bagaimanapun, keadaan mudah tunai sistem perbankan pada peringkat seluruh sistem dan institusi terus mencukupi, dengan kebanyakan bank terus mengekalkan kedudukan lebihan mudah tunai dengan Bank.

Pembiayaan bersih terus berkembang pada suku kedua

Pada suku kedua, pembiayaan bersih berkembang sebanyak 5.6% pada asas tahunan (S1 2019: 6.5%), didorong oleh bon korporat[5] dan pinjaman[6] terkumpul yang terus meningkat. Pertumbuhan bon korporat terkumpul meningkat sebanyak 10.6% pada suku itu (S1 2019: 7.1%), didorong terutamanya oleh terbitan sekali sahaja (*one-off issuance*) dalam sektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan. Jumlah pinjaman terkumpul mencatatkan pertumbuhan sebanyak 3.9% pada asas tahunan (S1 2019: 6.4%), dengan pinjaman perniagaan terkumpul berkembang 2.7% (S1 2019: 4.4%), manakala pinjaman isi rumah terkumpul meningkat sebanyak 4.8% (S1 2019: 7.5%). Selain kesan asas yang rendah bagi S1 2019 berikutan kemasukan data bank perdagangan berlesen yang baharu sejak bulan April 2018[7], pertumbuhan yang sederhana dalam jumlah pinjaman terkumpul pada S2 2019 mencerminkan peningkatan dalam pembayaran balik pinjaman yang mengatasi pengeluaran pinjaman.

Bagi segmen perniagaan, jumlah pinjaman yang dikeluarkan kepada PKS dan bukan PKS kekal mampan (jumlah pinjaman yang dikeluarkan kepada perniagaan: RM197.2 bilion; S1 2019: RM193.8 bilion). Sebahagian besar daripada pinjaman perniagaan disalurkan kepada sektor perkilangan; perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel; serta pembinaan. Hal ini selaras dengan pengembangan aktiviti ekonomi yang berterusan dalam sektor-sektor tersebut. Permintaan untuk pembiayaan dalam kalangan perniagaan menunjukkan peningkatan pada suku kedua. Hal ini seperti dilihat dalam jumlah permohonan pinjaman[8] yang lebih tinggi (RM95.5 bilion; S1 2019: RM77.4 bilion). Bagi segmen isi rumah, pinjaman untuk harta kediaman terus menjadi pemacu utama peningkatan pinjaman isi rumah (sumbangan kepada pertumbuhan: 3.8 mata peratusan), disokong oleh kadar kelulusan yang mampan bagi pinjaman perumahan.

5 Bon korporat tidak termasuk terbitan oleh Cagamas dan bukan pemastautin.

6 Pinjaman daripada sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).

7 Bermula bulan Jun 2019, data dari bulan April 2018 disemak semula untuk mengambil kira data bank perdagangan berlesen yang baharu (MBSB Bank Berhad). Ia sebelum ini dikelaskan sebagai institusi kewangan bukan bank. Dengan mengambil kira data pinjaman terkumpul ini, kadar pertumbuhan tahunan pembiayaan menjadi lebih tinggi untuk tempoh sementara dari S2 2018 hingga S1 2019. Hal ini disebabkan oleh asas yang lebih rendah pada tahun-tahun sebelumnya.

8 Permohonan pinjaman kepada sistem perbankan sahaja.